

Penghasilan Drama Islamik: Merungkai Sifat-Sifat Pengarah

WAWARAH SAIDPUDIN

Jabatan Bahasa Inggeris & Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti
Islam Antarabangsa Selangor
wawarah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pengarah sesebuah drama adalah individu yang menggalas tanggungjawab yang besar dalam menghasilkan sesebuah drama. Drama juga mampu dijadikan sebagai medium penyampaian dakwah yang berkonsepkan drama Islamik. Namun, untuk menghasilkan sebuah drama Islamik, seorang pengarah perlu mempunyai sifat-sifat tertentu bagi memastikan drama Islamik arahnya tidak lari daripada tujuan penyampaian dakwah dan juga mematuhi syariah Islam. Kajian ini bertujuan untuk merungkai sifat-sifat yang perlu ada bagi pengarah yang ingin mengarah drama berbentuk Islamik. Kajian ini menggunakan kaedah temubual secara mendalam bersama seorang pengarah prolifik, Mior Hashim Manap dan melalui sumber sekunder iaitu literatur kajian lepas. Hasil kajian mendapati antara sifat pengarah drama Islamik adalah menelusuri tanggungjawab sebagai hamba Allah, kuasa pengarah dari perspektif Islam, pola fikir pengarah yang berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah serta sifat ihsan terhadap proses kepengarahannya. Secara keseluruhannya pengarah perlu mempunyai kesedaran dalaman berpandukan kepada niat kepengarahan yang hanya bersandarkan kepada Allah SWT.

Kata kunci: Drama Islamik, Sifat pengarah Islamik, Penerbitan drama, Pola fikir Pengarah

PENGENALAN

Drama adalah suatu aksi dari sebuah skrip yang dilakukan di hadapan khalayak ramai atau penonton melalui media persuratan dan elektronik untuk menyampaikan sebuah cerita termasuklah dialog, nyanyian, tarian dan lakonan (Saparman 1982 & Hamzah 1996). Drama yang ditulis itu mempunyai tujuannya, perlu dibangunkan unsur kemanusiaan di dalamnya, mempunyai hubungan yang dekat dengan penonton dan bentuknya dipengaruhi oleh zaman semasa (Mana Sikana 1985).

Drama juga berasaskan suatu peristiwa yang diolah daripada keadaan realiti ataupun hanya khayalan penulis semata-mata. Mana Sikana (2006) turut menjelaskan bahawa drama merupakan lanjutan daripada skrip yang telah dihasilkan iaitu terjemahan teks ke pentas, kreativiti pengarah, sistem lakonan, kostum, rias, cahaya, muzik dan selari dengannya. Drama televisyen terbahagi kepada beberapa bahagian seperti yang dijelaskan oleh Schreiberman (2006) antaranya adalah telefilem (penerbitan bajet rendah dan jadual penggambaran yang pendek), drama televisyen bersiri (menggunkan satu kamera dan bersambung secara mingguan), sitkom (*situations comedian* yang berepisod dan setengah jam penayangan) dan *soap operas* (penayangan yang lebih dari 30 minit dan dimainkan setiap hari).

Hamzah (1996) menjelaskan drama Melayu di peringkat permulaan kewujudannya terkenal dengan istilah wayang kulit dan Mana Sikana (2006) turut menjelaskan bahawa ia merupakan drama tradisional Melayu yang pertama dan tertua yang kemudiannya diikuti

dengan permainan Mak Yong yang menggunakan manusia sebagai watak utama. Kedatangan penjajah barat telah merubah dunia drama Melayu dengan wujudnya persembahan bangsawan yang berasal daripada wayang Parsi.

Kemudian bertitik tolak daripada perubahan tersebut drama moden di Malaysia mula mengambil tempat dalam masyarakat bermula pada tahun 1970-an dan terus berkembang selari dengan perubahan sosial masyarakat serta (Raja Sabaradin 1998) mencerminkan situasi keadaan pada zaman masyarakat tersebut. Said Halim (1988) menyenaraikan antara proses penerbitan drama televisyen yang diperlukan adalah skrip, watak, babak, kostum, pelakon, lokasi, skrip kamera, rakaman, suntingan, grafik dan dabling.

FENOMENA DRAMA ISLAMIK

Drama Islamik adalah instrumen dakwah untuk membina insan yang soleh dengan memaparkan mesej penceritaan dari segi nilai yang baik yang tercakup di dalamnya unsur-unsur al-bir (kebajikan) dan at-Taqwa (Aminudin et al. 2009). Menurut Siti Rugayah et al. (2012) drama dakwah adalah sebuah drama yang bertujuan untuk menyebarkan mesej dakwah mengenai didikan dan nilai Islam yang indah. Apabila tujuannya ingin menyampaikan dakwah ia perlu disampaikan dengan cara yang benar dan mematuhi syaria Islam kerana dakwah bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada kemungkaran.

Sebenarnya, unsur-unsur Islam ini sudah bertapak di dalam media Malaysia sejak daripada zaman pengarah filem P. Ramlee lagi apabila filem *Semerah Padi* yang mengangkat kehidupan masyarakat Semerah Padi berlandaskan agama Islam yang sebenar dan menyumbang kepada keutuhan dan perkembangan Islam (Rosmawati & Md. Rozalafri 2011). Selain daripada itu, perubahan zaman (Raja Sabaradin 1998) turut memberi pengaruh kepada kandungan drama di Malaysia dengan menjadi agen penghibur, dan pendidik dengan menceritakan tentang kehidupan, budaya, adat, permasalahan, isu-isu setempat rakyat Malaysia secara amnya. Sehubungan itu, kita dapat melihat beberapa kandungan drama yang mempunyai pelbagai genre drama termasuklah drama cinta, hantu, komedi, kebudayaan dan sebagainya.

Manakala pada abad ke 20 kini, fenomena karya yang mempunyai unsur Islam dilihat kembali kepada kemuncaknya apabila negara seberang menghasilkan filem *Ayat-Ayat Cinta* yang diadaptasi daripada novel tersebut dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan di Indonesia dan turut tidak ketinggalan di Malaysia juga. Dalam menyambut fenomena novel Islam di Malaysia yang semakin berkembang, lahirlah beberapa usaha segelintir pengarah drama untuk membawa novel Islam tersebut kepada seni drama (Zahiruddin 2011). Namun, adaptasi novel ke drama atau filem ini juga bukanlah satu fenomena yang baru dan bukan perkara yang mudah kerana untuk mengadaptasinya memerlukan kemahiran pengarah yang lebih berbanding dengan skrip yang asli (Giannetti 2011).

Usaha drama Islamik yang diperbanyakkan ketika itu adalah satu perkara yang perlu disambut dengan baik namun, pengetahuan agama yang kurang dalam kalangan pengarah boleh mengakibatkan drama Islamik tersebut mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat. Hasil kajian daripada Asiah Sarji dan Kareelawati (2011) mendapati bahawa adanya perasaan bertanggungjawab daripada pengarah untuk memaparkan unsur negatif yang berlaku di sekeliling masyarakat manakala Siti Suriani et al.(2011), menemui bahawa hiburan yang bersifat hedonistik menjadi kecenderungan kepada pengamal media untuk menyiarkannya kepada penonton berbanding hiburan alternatif yang mempunyai elemen positif. Hasil kajian mereka menemui apabila kurangnya kesedaran pengarah untuk menyampaikan hiburan yang bermanfaat, secara tidak langsung boleh meninggalkan kesan negatif yang lebih banyak daripada positif kepada penonton. Manakala kajian yang dilakukan oleh Rosmawati dan Md. Rozalafri (2011) merumuskan pengarah Melayu-Islam harus menghadapi dilema dan cabaran

tentang hukum syariah yang jelas dalam filem untuk memilih di antara memartabatkan syariah dan hukum dengan kehendak komersial untuk menyebarkan kefahaman Islam yang sebenar kepada penonton. Hal ini adalah penting untuk mengangkat filem daripada konteks agama yang mempunyai kefahaman yang cukup jelas mengenai jawapan kepada setiap permasalahan hukum dan syariah Islam.

Tujuan drama Islamik yang mematuhi syariah ini bagi melindungi etika Islam dan adab melalui keseluruhan proses penghasilan drama dari mana-mana pencemaran terhadap tujuan sebenar mesej dakwah tersebut. Allah S.W.T telah menjadikan syariah ini terbina berdasarkan hikmah-hikmah dan justifikasi yang tercapai dek akal manusia dan tidak berbeza oleh kerana perbezaan bangsa dan adat (Jasser Auda 2014). Firman Allah S.W.T:

“Kesudahannya Kami jadikan Engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum ugama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah Engkau menurut hawa nafsu orang-orang Yang tidak mengetahui (perkara Yang benar)”.(Al Jaatsiyah, 45:18)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis data sekunder dari literatur kajian lepas dan turut menemubual pengarah drama Islamik, Mior Hashim Manap bagi mendapatkan pengalaman beliau sebagai pengarah drama Islamik. Kebanyakan drama Islamik beliau disiarkan di TV Al-Hijrah bertajuk Cinta dan Wahyu, Cinta Kun Fayakun dan Warkah Cinta. Hasil daripada analisis kajian lepas dan temubual mendalam ini akan menjawab persoalan kajian ini bagi merungkai sifat-sifat yang perlu ada pada pengarah drama Islamik.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sifat-Sifat Pengarah Drama Islamik

Pengarah sebagai Hamba Allah

Sebelum kita meneruskan penjelasan tentang tanggungjawab seorang pengarah, lebih indah kiranya jika kita mengenali tanggungjawab manusia dan tujuan manusia diwujudkan sebagai hamba Allah supaya kita mampu melihat dasar kehidupan manusia itu dengan lebih indah. Ahmad Kamil et.al (2011) menjelaskan sesungguhnya menjadi manusia yang soleh ‘abid merupakan matlamat dan wawasan utama manusia itu diciptakan dan jiwa kehambaan kepada adalah fitrah yang ada pada setiap insan agar sifat itu dapat diaplikasikan sama ada dalam amalan ibadah ataupun tuntutan kerja Allah (Sidek Baba 2011). Ia dapat dicapai dengan melaksanakan tuntutan untuk berkhidmat kepada agama dan sumber-sumber pemikiran Islam. Selain itu, segala yang dilakukan oleh individu dalam kehidupan ini adalah bertujuan mencari redha Allah dan bukan redha manusia (Muhammad ‘Ali 2011) dan setiap perkara yang dilakukan diniatkan hanya kepada Allah (Saiyyid 2002).

Osman Chuah (2002:56) menjelaskan:

Sebagai khalifah, manusia perlu hidup dengan cara yang sistematik mengikut kehendak Allah. Manusia perlu hidup sebagai hamba Allah. Terdapat dua tugas yang penting untuk hamba Allah iaitu istiqamah menyembah Allah sepanjang hidupnya dan hidup bersama manusia lain dengan cara yang aman dan harmoni.

Kuasa Pengarah dari Perspektif Islam

Dengan melihat tujuan manusia diwujudkan kita dapat mengaitkan ia dengan amanah yang dipikul dan dipertanggungjawabkan kepada manusia. Berbalik kepada tanggungjawab seorang pengarah, dalam sesebuah pembikinan drama atau filem, pengarah juga merupakan seorang manusia dan kerjaya pengarah itu menjadikan dia untuk mempunyai kuasa yang paling tinggi dan mempunyai hak yang jitu untuk menentukan hala tuju sesebuah hasil karyanya (Sarris 2004). Manakala dalam perspektif Islam konsep kuasa adalah jauh berbeza dengan pandangan sarjana Barat. Hal ini kerana sumber kuasa yang hakiki hanyalah daripada Allah yang Maha Berkuasa. Kuasa yang dimiliki oleh para pemimpin ini hanyalah satu pinjaman sementara daripada Allah S.W.T (Muhammad Yusuf & Khatijah 2012) bersesuaian dengan fitrah manusia yang lemah dan memerlukan Maha Pencipta untuk mengatur segala-galanya (an-Nabhani 2011). Perkara ini amat penting dihayati dan difahami oleh pengarah drama Islamik bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan perlu melaksanakan tugas sebagai pengarah mengikut syariah Islam.

Pola Fikir Pengarah

Individu yang mempunyai kefahaman dengan membentuk pola fikir melalui neraca al-Quran dan as-Sunnah ini merupakan agen penting dalam masyarakat (Abdul Razak dan Ezry Fahmi 2011) dan pemikiran ini hadir daripada kesedaran individu yang memikirkan bekal amalannya yang akan dibawa ke masa depannya iaitu kehidupan sesudah mati dengan menyeimbangkan urusan dunia dan akhirat (Roslin 1998). Tanpa adanya acuan pola fikir Islamik dalam pemikiran dan prinsip seseorang pengarah itu, maka tidak mustahil drama arahnya juga mampu mengakibatkan pengaruh yang negatif kepada penonton kerana tiada garis panduan yang mengikut syariah Islam sebenar. Pengarah yang ingin berdakwah perlu bersifat berani dan tidak takut dengan hinaan atau celaan orang tetapi hanya takut kepada Allah dan bersabar dengan segala dugaan yang mendatang (Syeikh Muhammad 2001).

Sifat Ihsan Terhadap Kepengarahan

Pengarah perlu mempunyai sifat ihsan terhadap kepengarahan dimana pengarah merasakan setiap perbuatan yang diarahkan itu adak diperhitungkan baik di dalam drama mahupun luar drama. Ia juga secara tidak langsung menjelaskan seorang pengarah perlu bertanggungjawab kepada isu halal haram dan dosa pahala yang dipaparkan di dalam drama arahnya seperti firman Allah dalam surah al-Anfaal ayat 27.

“Wahai orang-orang Yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”.

Pengarah dapat mengukuhkan sifat Ihsan ini dengan sering mengingati hari pembalasan iaitu hari kiamat dan memantapkan amalan kerohanian yang konsisten seperti membaca dan memahami al-Quran, zikrullah, memperbanyakkan solat sunat dan sebagainya (Mohd Zaliridzal 2012). Ia adalah proses muhasabah, mengkritik dan menilai diri kita serta menambahkan keimanan kepada Allah S.W.T.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengarah bertanggungjawab terhadap perjalanan sesebuah drama itu baik secara luaran mahupun dalaman. Pengarah yang berhasrat untuk mengarah drama Islamik

perluah mempersiapkan diri dengan kesedaran dalaman yang hanya berpaksikan niat kerana Allah swt beserta dengan kerjasama bersama agamawan untuk memastikan hukum hakat di dalam drama Islamik arahnya terpeihara dan mengikut syarak.

RUJUKAN

Al-Quran

- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2006. *Fiqih Maqasid Syariah: Moderasi Islam antara Aliran Tekstual dan Aliran Liberal*. Terj. H. Arif Munandar Riswanto. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Al Khatib, Abdul Karim. 2005. *Ijtihad: Menggerakkan Potensi dinamik Hukum Islam*. Terj. Ach. Maimun Syamsuddin & Abdul Wahid Hasan. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Abdul Rahman Napiah. 1983. *Esei dan Kritikan Drama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razak Abd Muthalib & Ezry Fahmi Eddy Yusof. 2011. Penerimaan dan penyampaian maklumat media dari perspektif Islam. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle (pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm.27-41. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Ahmad Kamil Jamilin, Mohd Fauzi Mohd Amin, Mohd Shamsul Hakim. 2011. Matlamat dan prinsip media Islam. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle (pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm.13-26. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa 2009. Kebebasan media komunikasi menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 1(2): 65-82.
- An-.Nabhani, Taqiyuddin. 2011. *Peraturan Hidup dalam Islam*. Terj. Abu Amin. Jakarta: Hizbut Tahrir Indonesia.
- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd. Karim. 2011. Kajian filem arahan pengarah muda sebagai saluran dakwah di Malaysia. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle(pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm. 175-194. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Giannetti, L. 2011. *Understanding Movies*. United States: Pearson Education.
- Hamzah Ismail. 1996. Sandiwara sebagai genre drama moden Malaysia. Tesis Sarjana Sastera Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasser Auda. 2014. *Mudahnya Maqasid Syariah*. Terj. Marwan Bukhari. PTS Islamika Sdn Bhd: Batu Caves.
- Mana Sikana. 1985. *Mendekati Drama*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana(M) Sdn Bhd.
- Mana Sikana. 2006. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pasca Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zaliridzal Zakaria. 2012. Perbandingan dinamika kelompok dalam kepimpinan. Dlm. Zulkiple Abdd. Ghani, Roslizawati Mohd Ramly, Mohd Rushdan Mohd Jailany, Muhamad Yusuf Khalid (pnyt.). *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu*, hlm.29-46. Nilai: USIM
- Muhammad ‘Ali Hasyimi. 2011. *Syakhshiyatul Muslim: Membentuk Peribadi Muslim Ideal Menurut Al-Quran dan As-Sunah*. Terj. Gozali J. Sudirjo & Asep Sobari. Jakarta:Al-I’tishom.
- Muhammad Yusuf Khalid & Khadijah Othman. 2012. Kuasa dan amanah dalam teori kepimpinan Islam dan barat. Dlm. Zulkiple Abdd. Ghani, Roslizawati Mohd Ramly, Mohd Rushdan Mohd Jailany, Muhamad Yusuf Khalid (pnyt), hlm.15-28. *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu*. Nilai: USIM

- Osman Chuah Abdullah. 2002. *Preaching to the Non-Muslim Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia
- Raja Sabaradin Raja Abdullah. 1998. Drama sebagai pengajaran-pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Roslin Syamsuri. 1998. *Arus Kebangkitan Islam Secara Global*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Rosmawati Mohamad Rasit & Md. Rozalafri Johori. 2011. Analisis penerapan dakwah di dalam filem semerah padi. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle (pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*. hlm.195-206. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Said Halim Said Nong. 1988. *Drama Melayu Televisyen Malaysia: Satu Penilaian Perkembangan dan Peranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saiyyid Na'imullah. 2002. *Keajaiban Akidah*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn Bhd.
- Saparman Bakri. 1982. *Alam Teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarris, A. 2004. Notes on the Auteur Theory in 1962. Dlm. Simpson, P. Utterson, A. & Shepherdson, K.J. (pnyt.). hlm. 21-34. *Film Theory: Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. Routledge: London
- Schreibman, M.A. 2006. *The Film Director Prepares*. New York: Watson-Guption.
- Sidek Baba. 2011. *Fitrahkah Kita sebagai Hamba Ciptaan Ilahi*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrak Sdn Bhd.
- Siti Rugayah Tibek, Jawiah Dakir, Zamri Ariffin, Fariza Md. Sham, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Salasia Hanin Hamjah, Badlihisam Mohd.Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Zainab Ismail, Ideris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail, Mohd Zulkipli Abd Ghani. 2012. The Islamic Value In Malaysian Television Drama On Channel 1. *Advances in Natural & Applied Sciences*, 6(4) : 552-560.
- Siti Suriani Othman, Lee Kuok Tiung, Roslizawati Mohd Ramli & Jaziratul Shila Jamal. 2011. Dilema antara islam dan hiburan dalam media. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle (pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm.89-110. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Zahiruddin Zabidi. 2011. Fenomena novel cinta berunsur agama. 7 Ogos 2014, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0807&pub=Utusan_Malaysia&sec=astera&pg=sa_02.htm. [30 November 2014]